

## **PERSEPSI PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM KUIS TERHADAP STRATEGI PEMBELAJARAN KONSTRUKTIF SECARA ONLINE SEMASA COVID-19**

### **The Perception of Faculty of Islamic Civilisation Studies Students Towards Online Constructive Learning Strategies During Covid-19**

MOHD NORZI BIN NASIR  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

ABDUL HADI AWANG  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[abdulhadi@kuis.edu.my](mailto:abdulhadi@kuis.edu.my)

MARDHIAH YAHAYA  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[mardhiah@kuis.edu.my](mailto:mardhiah@kuis.edu.my)

#### **Abstrak**

Pandemik COVID-19 amat memberikan kesan terhadap dunia pembelajaran di institusi pengajian tinggi dan ia menyaksikan bahawa pembelajaran segerak dalam bilik kuliah tidak lagi berlaku antara pensyarah dan para pelajar. Keadaan ini menyebabkan mereka perlu membina pelbagai strategi pengajaran yang efektif dan pembelajaran sendiri yang berkesan dalam usaha memastikan objektif yang diharapkan tercapai. Tambahan pula kursus *ilm takhrij al-hadith* amat menekankan pengetahuan dari aspek teori dan amali. Kajian ini membincangkan persepsi pelajar Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS terhadap pendekatan konstruktif dalam strategi pengajaran dan pembelajaran online semasa COVID-19 bagi kursus *ilm takhrij al-hadith*. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Data yang diperolehi daripada 106 orang responden melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dan dapatan kajian dihuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu pensyarah untuk terus memperkasa kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi subjek *ilm takhrij al-hadith* secara segerak dalam bilik kuliah atau online pada masa hadapan.

Kata kunci: Strategies, Konstruktif, Pembelajaran Online, *Ilm Takhrij al-Hadith*, COVID-19

#### **Abstract**

The COVID-19 pandemic has had a profound impact in the education of higher learning institutions where there is an asynchronous learning in the lecture room between lecturers and students. This situation enforced them to build a variety of effective teaching strategies and self-learning in order to achieve the objectives. Furthermore, the course of *ilm takhrij al-hadith* emphasizes theoretical and practical knowledge aspects. This study is discussing about the perceptions of Faculty of Islamic Civilisation Studies KUIS students, towards

constructive online teaching and learning strategy for ilm takhrij al-hadith course during COVID-19. This study is a field study conducted through quantitative methodology. The data obtained from 106 respondents through a questionnaire were analyzed using SPSS version 21 software and the findings were analyzed using descriptive statistical method. The findings of this study hopefully could help lecturers to continue strengthening the teaching and learning quality of ilm takhrij al-hadith subject synchronously in the lecture room or online in the future.

Keywords: Strategy, Constructive, Online Learning, Ilm Takhrij al-Hadith, COVID-19

## **1.0 PENDAHULUAN**

Strategi pembelajaran dilihat sebagai teknik yang digunakan dalam pembelajaran bahasa untuk menyelesaikan masalah, membuat persediaan menghadapi peperiksaan atau menyelesaikan sesuatu tugas. (Wang, 2015). Hartley (1998) berpendapat bahawa strategi yang berbeza boleh dipilih oleh pelajar apabila berhadapan dengan tugas yang berbeza. Menurutnya, strategi adalah sesuatu tindakan pilihan yang dibuat oleh pelajar.

Liong Yaw Peng et al. (2020) pula menjelaskan bahawa strategi pembelajaran merupakan pemprosesan maklumat dalam mental yang berdasarkan pengalaman dan latihan, bukannya kebolehan mental semula jadi malahan strategi pembelajarn merupakan kebijaksanaan dalam memilih pendekatan, kaedah dan juga teknik pembelajaran berdasarkan objektif pengajaran dan pembelajaran. Strategi pembelajaran yang baik membolehkan pelajar menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Penggunaan teknik-teknik yang bersesuaian kepada pelajar mampu menarik minat pelajar dan menimbulkan keseronokan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran akan berlaku dengan efektif dan efisien jika pelajar berkemahiran mengatur strategi pembelajaran. Menurut Liong, strategi pembelajaran juga dikaji sebagai salah satu pemboleh ubah kajian dalam konsep pembelajaran aturan sendiri.

Konstruktif pula menekankan aspek potensi dan aktiviti pelajar daripada pensyarah dan ia merupakan suatu proses pembentukan pengetahuan. Pembentukan ini harus dilakukan oleh individu yang belajar. Pelajar harus aktif melakukan kegiatan, aktif berfikir, menyusun konsep dan memberi makna tentang setiap sudut ilmu yang dipelajari. Paradigma konstruktif memandang pelajar sebagai individu yang memiliki kemampuan awal sebelum mempelajari suatu pengetahuan yang baru. Melalui kajian Zakaria (2014), beliau menarik kesimpulan dan mengatakan bahawa konstruktif adalah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

Pendek kata strategi pembelajaran konstruktif amat menekankan bahawa pembelajaran merupakan suatu proses yang aktif, dinamik dan berteraskan pelajar itu sendiri. Penilaian terhadap proses belajar pelajar merupakan penilaian keseluruhan atau integral dalam pembelajaran, dilakukan melalui observasi pensyarah terhadap dapatan kajian oleh pelajar melalui tugas yang dilakukan.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Hari ini, pendidikan semasa COVID-19 memperlihatkan kepada dunia bahawa kumpulan pelajar institut pengajian tinggi berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam usaha menimba ilmu dalam apa jua bidang pengajian dan situasi yang melingkungi mereka. Dalam

pembelajaran online, komunikasi yang berlangsung memperlihatkan pensyarah sebagai komunikator yang berinteraksi dengan pelajar melalui jaringan internet atau dunia maya. Ia menuntut pensyarah untuk lebih kreatif dan inovatif dalam pengajaran dengan menggunakan pendekatan yang lebih efektif terutama bagi kursus yang melibatkan aspek pengetahuan teori dan amali.

*Ilm Takhrij al-Hadith* adalah suatu ilmu yang yang melibatkan aspek pengetahuan teori dan amali. Aspek kesabaran, ketenangan dan rasa tidak putus asa dalam diri pelajar amat penting untuk memahirkan diri dalam mencari sumber asli sesuatu hadis. Ia juga bukanlah kursus mampu dikuasai jika hanya berbekalkan ilmu teori semata-mata. Kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* adalah kursus wajib jabatan semua pelajar di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah FPPI. Ia juga turut ditawarkan kepada pelajar dari jabatan-jabatan yang lain. Kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* dibawah kod IDQS3083 diunjurkan kepada pelajar semester 5 Diploma Pengajian Islam di FPPI. Ia merupakan kursus 3 jam kredit selama 14 minggu dalam 1 semester dengan 2 Jam Kuliah dan 1 Jam Tutorial. Bahasa pengantar bagi kursus ini adalah bahasa Arab yang digunakan samada semasa kuliah, tutorial, ujian dan peperiksaan.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Justeru kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap strategi pembelajaran konstruktif sewaktu mengikuti pengajian secara online semasa COVID-19 yang akan membawa kepada dapatan hasil pembelajaran yang diharapkan adakah tercapai atau sebaliknya. Keperluan kajian ini disokong dengan dapatan Abdul Jalil dan Bahtiar (2005) yang mendapati pelajar lebih mudah memberi maklum balas sekiranya mereka didedahkan dengan pembelajaran konstruktivisme kerana dapat membuat pencarian maklumat sendiri mengikut kehendak dan kesediaan masing-masing.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan (survey) digunakan memandangkan masa diperuntukkan agak terhad, maka kajian tinjauan dipilih kerana ia bertepatan dan mudah untuk dilaksanakan ke atas sampel dalam masa yang singkat (Mohd Qhairil Anwar Azhar, 2018). Penulis menggunakan soal selidik untuk mengumpul data-data bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Dalam kajian ini borang soal selidik dibangunkan dalam bentuk *Google Form* dan diedarkan melalui aplikasi *Whatsapps* kepada semua responden.

Kaedah persampelan pula menggunakan kaedah Krejcie dan Morgan seperti dalam rajah 1 di bawah yang menetapkan jumlah penentuan saiz sampel responden. Dalam kajian ini sebanyak 106 sampel diambil jumlah populasi sebenar responden iaitu 140 orang.

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
"S" is sample size.]

Rajah 1: Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

Keseluruhan item soalan kaji selidik yang dibina oleh penyelidik mengandungi 8 item yang mempunyai kesahan konstruk, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah Sangat Tidak Setuju (1 mata), Tidak Setuju (2 mata), Tidak Pasti (3), Setuju (4), dan Sangat Setuju (5) digunakan dalam kajian ini.

Data yang diperolehi melalui soalan kaji selidik direkodkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dengan analisis statistik deskriptif yang melibatkan analisis kekerapan dan peratusan. bagi menentukan pendekatan konstruktif terhadap strategi pembelajaran online pelajar semasa Covid-19 bagi kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* seperti jadual berikut. Berikut adalah dapatan kajian hasil analisis deskriptif setiap soalan yang telah dikonstruksi.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Responden kajian adalah para pelajar FPPI yang telah mengambil kursus *ilm Takhrij al-Hadith* pada semester 1 sesi 2021/2022 semasa COVID-19.

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang kaji selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu kajian demografi dan soalan kajian yang berkaitan dengan strategi pembelajaran responden sewaktu mengikuti pengajian *ilm takhrij al-hadith*.

### Komponen Pertama: Demografi Responden

Analisis bagi komponen pertama iaitu demografi responden merujuk kepada maklumat latar belakang 106 orang responden kursus *ilm takhrij al-hadith* KUIS semester 5 yang mempunyai tiga item soalan terdiri daripada jantina, umur, dan tempat tinggal. Adalah penting menjelaskan latar belakang responden dan hubungannya dengan pemboleh ubah. Pemboleh ubah lazimnya diukur, dinilai dan dilaporkan secara bertulis semasa kajian dibuat.


a) Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	50	47.2
Perempuan	56	52.8
Jumlah	106	100

Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan taburan responden kajian berdasarkan jantina yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Seramai 50 orang responden lelaki (47.2%) dan 56 orang responden perempuan (52.8%).

#### b) Umur



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan responden pada peringkat umur. Pada umur lingkungan 20 hingga 21 tahun mempunyai jumlah responden yang paling tinggi iaitu 96 orang (90.6%). Manakala, dalam lingkungan 22 hingga 23 tahun hanya seramai 6 orang sahaja (5.7%) dan bagi umur 24 tahun dan keatas adalah seramai 4 orang sahaja (3.8%).

#### c) Tempat tinggal



Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan jumlah keseluruhan responden bagi mengenalpasti tempat mereka menjalankan sesi pembelajaran. Mereka terdiri daripada 105 orang responden yang tinggal di rumah keluarga (99.1%) manakala seorang responden menetap di asrama (0.9%).

### Komponen Kedua: Strategi Pembelajaran Pelajar Di Dalam Kelas Online.

Dalam komponen ini terdapat 8 item soalan yang terdiri daripada butiran jawapan responden berkaitan strategi pembelajaran sewaktu di dalam kelas online yang dijalankan menggunakan aplikasi *google meet*.

**Soalan 1:** Saya memberikan tumpuan sepenuhnya semasa mempelajari kursus.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	6	5.7
Kurang setuju	30	28.3
Setuju	49	46.2
Sangat setuju	21	19.8
Jumlah	106	100

Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan seramai 21 orang sangat setuju (19.8%) dengan kenyataan bahawa pelajar memberikan tumpuan sepenuhnya semasa mempelajari kursus diikuti dengan mereka yang setuju sebanyak 49 orang (46.2%). Namun terdapat 30 orang yang kurang setuju iaitu (28.3%) dan 6 orang yang tidak setuju iaitu (5.7%).

Dapat dinyatakan bahawa seramai 70 orang responden dapat memberikan sepenuh perhatian mereka semasa menjalani kelas online. Pernyataan ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai masalah untuk mengikuti pembelajaran secara online dan hasil soal selidik menunjukkan mereka mampu untuk memberikan sepenuh perhatian sewaktu pembelajaran online sama ada kuliah atau tutorial.

**Soalan 2:** Saya mampu memberikan fokus dalam pembelajaran online.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	3	2.8
Tidak setuju	10	9.4
Kurang setuju	33	31.1
Setuju	47	44.3
Sangat setuju	13	12.3
Jumlah	106	100

Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan seramai 13 orang (12.3%) sangat setuju dengan pernyataan bahawa mereka mampu memberikan fokus dalam pembelajaran online diikuti 47 orang (44.3%) orang setuju. Dapat dinyatakan disini hanya separuh daripada bilangan itu yang mampu memberikan fokus ketika sesi pembelajaran online manakala 33 orang (31.1%) kurang setuju diikuti 10 orang (9.4%) tidak setuju dan 3 orang (2.8%) tidak dapat menumpukan perhatian mereka ketika sesi pembelajaran online.

Hal ini menunjukkan bahawa mereka sukar untuk fokus ketika sesi pembelajaran berlangsung. Terdapat segelintir daripada responden yang tidak dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran online. hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor antaranya masalah jaringan internet atau berada dalam kawasan luar bandar dan sebagainya. Seperti yang sedia maklum tidak semua responden menetap dikawasan bandar dan hal ini juga kerana mereka hanya dapat menjalani pembelajaran online ini daripada kawasan rumah masing-masing disebabkan perintah kawalan pergerakan (PKP).

**Soalan 3:** Saya sentiasa berusaha memahami kursus yang dipelajari.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	3	2.8
Kurang setuju	14	13.2
Setuju	56	52.8
Sangat setuju	33	31.1
Jumlah	106	100

Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan bahawa seramai 33 orang bersetuju iaitu sebanyak 31.1% diikuti 56 orang setuju iaitu sebanyak 52.8% bahawa mereka berusaha memahami kursus yang dipelajari. Namun terdapat 14 orang (13.2%) daripadanya yang kurang setuju diikuti 3 orang (2.8%) yang tidak setuju.

Dapat dinyatakan bahawa terdapat seramai 89 responden (83.9%) yang berusaha untuk memahami pembelajaran mereka walaupun mengalami kesulitan dalam pembelajaran online. Perkara ini menunjukkan respon yang baik dimana pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian mereka ketika sesi pembelajaran berlangsung. Walaupun terdapat halangan diatas pembelajaran online namun respon daripada responden adalah amat positif dan menjadi impak dalam kelancaran pembelajaran. Namun tidak dinafikan bahawa terdapat juga sebilangan lagi yang menghadapi kesulitan dalam memahami kursus yang dipelajari.

**Soalan 4:** Saya melibatkan diri secara aktif semasa mempelajari kursus.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	0	0
Tidak setuju	4	3.8
Kurang setuju	40	37.7
Setuju	43	40.6
Sangat setuju	19	17.9
Jumlah	106	100

Rajah 8

Rajah 8 menunjukkan bahawa seramai 19 orang (17.9) sangat setuju melibatkan diri dengan aktif semasa mempelajari kursus diikuti seramai 43 orang (40.6%) yang setuju. Manakala terdapat seramai 40 orang (37.7%) yang kurang setuju dan 4 orang (3.8%) yang tidak setuju.

Berdasarkan jawapan tersebut pengkaji dapat mengenalpasti terdapat responden yang dapat melibatkan diri secara aktif ketika pembelajaran online dan terdapat juga mereka yang tidak dapat melibatkan diri secara aktif. hal ini mungkin disebabkan faktor lain yang menyebabkan mereka tidak dapat melibatkan diri secara aktif untuk mengikuti pembelajaran online. Ketika pembelajaran online ini pelajar akan menghadapi kesulitan dalam turut serta mengikuti sesi pembelajaran online seperti menghadapi masalah terputus jaringan, hujan, kehabisan data internet dan sebagainya. Hal ini akan menjadikan penyampaian maklumat akan menjadi tidak lancar dan sukar untuk memahami isi pembelajaran dengan baik.

**Soalan 5:** Saya sukar membuat catatan maklumat penting semasa kuliah.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	5	4.7
Tidak setuju	22	20.8
Kurang setuju	32	30.2
Setuju	42	39.6
Sangat setuju	5	4.7
Jumlah	106	100

Rajah 9

Rajah 9 menunjukkan bahawa terdapat hanya 5 orang (4.7%) yang sangat setuju terhadap pernyataan bahawa mereka sukar membuat catatan maklumat semasa kuliah diikuti seramai 42 orang (39.6%) yang setuju. Manakala 32 orang (30.2%) kurang setuju, diikuti 22 orang (20.8%) tidak setuju dan seramai 5 orang (4.7%) yang sangat tidak setuju.

Berdasarkan jawapan tersebut pengkaji mendapati bahawa separuh daripada responden dapat mengikuti pembelajaran online dengan baik berdasarkan kebolehan mereka menulis nota atau maklumat penting daripada sesi pembelajaran manakala separuh lagi sukar untuk membuat catatan melalui sesi pembelajaran online berlangsung. Nota adalah sangat penting dalam mengulangkaji apabila selesai sesi pembelajaran dan akan membantu pelajar untuk mengingati atau mengulangsemula pemahaman berdasarkan penyampaian penyarah terhadap isi-isi penting dan sebagainya seterusnya sebagai pemudah cara.

**Soalan 6:** Saya sukar untuk bertanya tentang suatu topik dalam tutorial

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	9	8.5
Tidak setuju	18	17.0
Kurang setuju	43	40.6
Setuju	32	30.2
Sangat setuju	4	3.8



Jumlah	106	100
--------	-----	-----

Rajah 10

Rajah 10 menunjukkan bahawa seramai 4 orang (3.8%) sangat setuju diikuti 32 orang (30.2%) setuju bahawa mereka sukar bertanya tentang topik dalam tutorial. Seramai 43 orang (40.6%) daripadanya kurang setuju, seramai 18 orang (17.0%) tidak setuju dan diikuti seramai 9 orang (8.5%) sangat tidak setuju.

Berdasarkan pernyataan berikut pengkaji mendapati bahawa responden tidak mempunyai masalah dalam bertanya tentang suatu topik atau pertanyaan semasa sesi tutorial. Namun terdapat diantara mereka yang mempunyai kesukaran dalam mengemukakan soalan atau menyatakan tentang suatu topik untuk dibincangkan. Pelajar haruslah berani bertanya atas sesuatu topik yang sukar atau kurang difahami agar proses pemahaman menjadi mudah dan lancar. Hal ini juga amatlah penting kerana proses pembelajaran akan menjadi mudah diatas konsep yang betul. Namun respon yang diberikan adalah sangat positif.

**Soalan 7:** Saya mudah memahami penjelasan pensyarah di dalam kuliah dan tutorial.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat tidak setuju	2	1.9
Tidak setuju	10	9.4
Kurang setuju	32	30.2
Setuju	44	41.5
Sangat setuju	18	17.0
Jumlah	106	100

Rajah 11

Rajah 11 menunjukkan seramai 18 orang (17.0%) sangat setuju bahawa mereka mudah memahami penjelasan pensyarah di dalam kuliah dan tutorial diikuti seramai 44 orang (41.5%) setuju dengan pernyataan tersebut. Namun seramai 32 orang (30.2%) kurang setuju diikuti seramai 10 orang (9.4%) tidak setuju dan terdapat 2 orang (1.9%) sangat tidak setuju.

Berdasarkan pernyataan tersebut pengkaji mendapati bahawa seramai 65 orang responden mudah untuk memahami pembelajaran ketika kuliah atau tutorial seterusnya tidak mempunyai masalah untuk mengikuti pembelajaran online. Namun terdapat juga mereka yang mengalami kesukaran memahami sesi pembelajaran mereka. Hal ini menunjukkan pembelajaran diatas talian tidaklah menjadi batu penghalan kepada pelajar serta sukar bagi pelajar untuk memahami penjelasan pensyarah sepanjang sesi pembelajaran.

**Soalan 8:** Saya sukar mendapat capaian internet yang baik sewaktu kuliah atau tutorial disebabkan lokality.

Tahap	Kekerapan	Peratusan (%)
-------	-----------	---------------

Sangat tidak setuju	10	9.4
Tidak setuju	15	14.2
Kurang setuju	38	35.8
Setuju	31	29.2
Sangat setuju	12	11.3
Jumlah	106	100

Rajah 12

Rajah 12 menunjukkan seramai 12 orang (11.3%) sangat setuju bahawa sukar mendapat capaian internet yang baik sewaktu kuliah atau tutorial disebabkan lokality diikuti mereka yang setuju seramai 31 orang (29.2%). Mereka yang kurang setuju adalah seramai 38 orang (35.8%) diikuti mereka yang tidak setuju adalah seramai 15 orang (14.2%) dan mereka yang sangat tidak setuju adalah seramai 10 orang (9.4%).

Berdasarkan pernyataan berikut pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai masalah untuk mendapat capaian internet yang baik dan 43 orang (40.5%) yang mempunyai masalah capaian internet disebabkan lokality. Capaian jaringan internet adalah sangat penting kepada pelajar dalam kelancaran pembelajaran kerana ianya akan menjadi penghalang kepada mereka dalam melibatkan diri dalam pembelajaran online.

Jadual di bawah menunjukkan keputusan keseluruhan responden tentang Strategi Pembelajaran Pelajar di dalam Kelas Online.

No.	Kenyataan	Kekerapan & Peratusan					Jumlah
		STS	TS	KS	S	SS	
1	Saya memberikan tumpuan sepenuhnya semasa mempelajari kursus	0 0%	6 5.7%	30 28.3%	49 46.2%	21 19.8%	106 100%
2	Saya mampu memberikan fokus dalam pembelajaran online.	3 2.8%	10 9.4%	33 31.1%	47 44.3%	13 12.3%	106 100%
3	Saya sentiasa berusaha memahami kursus yang dipelajari.	0 0%	3 2.8%	14 13.2%	56 52.8%	33 31.1%	106 100%
4	Saya melibatkan diri secara aktif semasa mempelajari kursus	0 0%	4 3.8%	40 37.7%	43 40.6%	19 17.9%	106 100%
5	Saya sukar membuat catatan maklumat penting semasa kuliah.	5 4.7%	22 20.8%	32 30.2%	42 39.6%	5 4.7%	106 100%
6	Saya sukar untuk bertanya tentang suatu topik dalam						106

	tutorial.	9 8.5%	18 17.0%	43 40.6%	32 30.2%	4 3.8%	100%
7	Saya mudah memahami penjelasan pensyarah di dalam kuliah dan tutorial.	2 1.9%	10 9.4%	32 30.2%	44 41.5%	18 17.0%	106 100%
8	Saya sukar mendapat capaian internet yang baik sewaktu kuliah atau tutorial disebabkan lokaliti.	10 9.4%	15 14.2%	38 35.8%	31 29.2%	12 11.3%	106 100%

## 6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan analisis terdapat empat kesimpulan kajian iaitu:

1. Strategi pembelajaran terdiri daripada metode dan teknik atau prosedur yang menjamin seseorang pelajar mencapai objektif pembelajaran. Dalam strategi pembelajaran berpusatkan pelajar, pelajar memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Mereka perlu diberi galakan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.
2. Pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktif ini merupakan elemen yang penting dan perlu difahami oleh pensyarah bagi memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui inovasi sesuai dengan peredaran masa. Selain itu pensyarah perlu sentiasa memperkasa kepakaran dan mempertingkatkan kualiti pengajaran bagi setiap kursus yang diajar kepada pelajar dalam apa jua situasi sama ada secara segerak dalam bilik kuliah atau online.
3. Responden tidak menghadapi masalah yang sangat ketara melibatkan faktor diri pelajar sendiri atau faktor luaran dalam mengikuti pembelajaran *ilm takhrij al-hadith* meskipun secara online. Responden berpandangan pensyarah berjaya menyampaikan ilmu kepada mereka dan dapat menarik perhatian mereka untuk memberikan fokus sewaktu pengajian online berlangsung. Kebanyakan responden dapat melibatkan diri secara aktif dan berkeupayaan untuk membuat catatan maklumat dan mendapat peluang untuk bertanya pensyarah sewaktu pembelajaran online.
4. Dapatan kajian menunjukkan betapa pentingnya kepelbagaian pendekatan konstruktif dalam pengajaran dan pembelajaran dilakukan ke arah meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap kursus *ilm takhrij al-hadith* seiring arus kemodenan teknologi dan pastinya dalam mendepani cabaran normal baru dunia pendidikan pasca COVID-19. Pandemik COVID-19 menyebabkan aktiviti pembelajaran para pelajar amat terbatas. Pelajar terpaksa berpada kepada pembelajaran sendiri berbanding pembelajaran sebelum pandemik COVID-19. Lokaliti atau tempat tinggal yang jauh serta capaian internet yang tidak kuat turut memberikan kesan yang mendukacitakan bagi sebahagian pelajar.

## 7.0 PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sub perbahasan kajian penyelidikan dari dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK 2020), Kod Rujukan: 2020/P/GPIK/GPI-002 yang akan tamat pada 30/11/2021. Penghargaan ditujukan kepada Pengurusan KUIS, RMIC KUIS dan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS atas kelulusan geran penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada ahli penyelidik, SME dan semua responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. *Makalah Pendidikan*, 4: 6- 8.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hartley, J. (1998). *Learning and Studying: A Research Perspective*. London: Routledge.
- Mohd Army Yusop. (2011). Pengajian Hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Qhairil Anwar Azhar. (2018). Tahap Perbezaan Pengetahuan, Sikap dan Amalan Menggunakan Enam Topi Pemikiran Berdasarkan Jantina dan Pengkhususan Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 16.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 17(1), February 2017 <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>. ISSN: 1675-8021125
- Wang, J. (2015). *L'impact des stratégies et styles d'apprentissage sur le sentiment de réussite ou d'échec dans l'apprentissage de langues étrangères, Recherche et pratiques pédagogiques en langues de spécialité* [Online], Vol. XXXIV N° 2 |.
- Zakaria Bin Omar. (2014). Pendekatan Konstruktif Dalam Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kolej Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis, Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.